

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN HARI LANDSKAP NEGARA 2015
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
TAMAN REKREASI PBAPP BUKIT D.O, BUKIT MERTAJAM, SPT
1 DISEMBER 2015 (SELASA)**

**Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr)
Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas**

**Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Timbalan Ketua Menteri 1**

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan
Pengurusan Lalulintas**

Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

**Sahibus Samahah Prof. Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd.
Noor
Mufti Negeri Pulau Pinang**

Yang Amat Arif Dato' Haji Abdul Walid bin Abu Hassan
Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

Tuan Haji Mohd. Anuar Bin Maidin
Pengarah Perancang Bandar & Desa Jabatan Perancang Bandar &
Desa Negeri Pulau Pinang

Tuan Haji Ahmad Munir bin Haji Yusof
Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Ahli Majlis - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Rakan-Rakan Bukit DO

Rakan-Rakan Media

**YBhg. Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian**

1.Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

2.Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas ke Majlis Perasmian Hari Landskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Tahun 2015 ini adalah tahun giliran MPSP sebagai tuan rumah untuk Sambutan Hari Landskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Tema yang dipilih untuk sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah '**Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat**'. Tema ini memberi penekanan kepada mewujudkan komuniti yang lebih sihat melalui penyediaan taman-taman awam selaras dengan "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

3.Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Bukit Mertajam, SPT dipilih untuk sambutan pada tahun ini kerana taman ini merupakan sebuah taman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah. Taman ini adalah seluas 10.10 ekar dan telah diwartakan sebagai taman rekreasi oleh Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh MPSP. Taman ini telah siap dinaiktaraf oleh PBAPP pada 30 Julai 2013.

4.Sambutan Hari Landskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan berlangsung selama 1 hari. Aktiviti pameran landskap diadakan dengan tujuan mengenengahkan inovasi dan kreativiti dalam membangunkan landskap di kawasan awam dan swasta supaya lebih cantik dan indah serta kelihatan lebih menarik dengan reka bentuk seni taman serta komposisi tanaman hiasan dan bunga-bunga supaya rakyat hidup dalam suasana yang lebih segar, lebih sihat dan Suatu yang segar dapat menarik pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang.

5.Selain daripada pameran landskap, terdapat juga program-program lain yang akan dijalankan seperti Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pameran Jabatan-Jabatan MPSP, Pameran Agensi-Agensi Kerajaan dan lain-lain. Aktiviti yang melibatkan kanak-kanak adalah amat penting sekali untuk memupuk budaya cintakan alam sekitar di usia rebung.

Harapan saya adalah semoga Sambutan Hari Landskap Negara 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewujudan taman-taman awam untuk mereka beriadah dan melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan dan seterusnya dapat membina kehidupan masyarakat yang lebih sihat. Jagalah taman

rekreasi dan taman kejiranan kita dengan baik. Hargailah alat-alat kemudahan rekreasi dan senaman yang disediakan. Janganlah rosakkan peralatan yang ada.

6. Di kawasan pentadbiran MPSP terdapat 1498 taman (kawasan lapang) di kawasan kediaman dan 15 taman rekreasi iaitu 6 taman kejiranan di SPU, 6 di SPT dan 3 di SPS.

MPSP telah menubuhkan Jabatan Landskap pada April 2013 untuk melaksanakan projek dan menguruskan taman kejiranan dan taman rekreasi ini.

7. MPSP telah melancarkan Program CSR Landskap yang pertama bersama komuniti pada Oktober 2011 iaitu di Taman Tugu Demokrasi dan projek ini siap pada Januari 2012. Sebanyak 63 lokasi telah dikenalpasti untuk diambil anak angkat oleh komuniti, organisasi, pertubuhan atau syarikat. Setakat ini sebanyak 31 lokasi telah diambil anak angkat (21 lokasi telah disiapkan dan 10 lokasi lagi dalam pelbagai peringkat pembangunan) oleh pelbagai komuniti dan organisasi.

Terdapat 3 taman rekreasi di bawah Jabatan Perhutanan iaitu Taman Rekreasi Bukit Panchor, Taman Rekreasi Air Itam Dalam dan Hutan

Lipur Cherok To'kun SPT. Sejak 2011, MPSP telah berjaya menaiktaraf dari segi aspek pengindahan di 21 lokasi bersesuaian yang meliputi taman-taman rekreasi awam, kawasan-kawasan lapang, bahu-bahu jalan, bulatan jalan / roundabout dan sebagainya dengan kerjasama 4P's dan CSR daripada pelbagai agensi dan syarikat-syarikat swasta.

8. Sebagai menghargai penglibatan komuniti atau syarikat yang turut menyahut program CSR dan program "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*", majlis penyampaian sijil penghargaan kepada penaja-penaja CSR MPSP & MBPP akan diadakan sebentar lagi. Terima kasih daun keladi, kalau boleh ambillah lokasi-lokasi yang masih ada lagi.

9. Program Penghijauan MPSP di Seberang Perai pada tahun 2015 telah merekodkan penanaman pokok teduhan sehingga Oktober adalah sebanyak 5,819 batang pokok. 1,209 batang pokok ditanam oleh MPSP dan 4,610 batang pokok hasil daripada projek pembangunan oleh pemaju. Disamping Program Penghijauan, usaha seperti penganjuran aktiviti gotong-royong, pengindahan dan keceriaan di kawasan sekolah, dewan masyarakat, kampung-kampung, taman-taman perumahan dan taman-taman awam dilaksanakan secara berterusan bagi memenuhi kehendak masyarakat awam.

10. Tahun 2016, MPSP menyediakan bajet sebanyak RM 2 juta untuk landskap. 2 projek landskap sedang berjalan dan 3 projek akan dilaksanakan pada tahun 2016. Lokasi projek landskap ini adalah:

- i. Menaiktaraf dan Memelihara Taman-Taman Rekreasi Awam di Taman Rekreasi Pantai Robina, Telok Air Tawar, SPU.
- ii. Menaiktaraf dan Memelihara Taman-Taman Rekreasi Awam di Taman Tunku, Seberang Jaya, SPT
- iii. Menaiktaraf dan Memelihara Taman-Taman Rekreasi Awam di Tanah Lapang, Taman Desa Jawi, SPS

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi, bagi pihak urusetia, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1 dan dif-dif jemputan kehormat di atas kesudian untuk menghadirkan diri ke Majlis pada pagi ini.

12. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh